

Beratus2 syarikat UK ingin labur di Malaysia

BIRMINGHAM, Khamis (Bernama) — Wakil dari kira-kira 35 buah syarikat mengadakan mesyuarat berasingan dengan anggota-anggota rombongan penggalak pelaburan Malaysia semasa berada di sini selama dua hari.

Seorang jurucakap rombongan itu mensifatkan sambutan yang diterima "sebagai sangat baik."

Syarikat-syarikat itu

sedang menyiasat kemungkinan melabur di rantau Asia Tenggara. Mereka ingin tahu tentang potensi pelaburan di Malaysia dan negara-negara lain.

Jurucakap itu berkata, anggota-anggota rombongan itu akan berusaha sedaya upaya menarik minat syarikat-syarikat berkenaan supaya melabur di Malaysia.

Katanya, rundingan-rundingan yang dijalankan khusus ditumpukan terhadap butir-butir lanjut mengenai projek-projek.

Anggota-anggota rombongan itu telah berpecah kepada lima kumpulan mengadakan rundingan berasingan dengan syarikat-syarikat itu.

Kira-kira 15 buah syarikat menemui rombongan itu kelmarin dan antara 15 hingga 20 buah lagi hari ini.

Pertanyaan yang dikemukakan meliputi bidang yang luas termasuk pengeluaran logam, barangan otomobil dan perabot.

Memuji

Sementara itu, beberapa orang ahli perniagaan British yang menghadiri seminar pelaburan itu telah memuji ucapan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mengetuai rombongan itu.

Mereka khususnya tertarik dengan kenyataan Datuk Seri Dr. Mahathir bahawa terdapat tolak ansor yang banyak dalam pelaksanaan garis panduan kerajaan mengenai penyertaan equiti dalam pelaburan di Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri kelmarin melawat pusat pameran negara di sini.

Beliau juga melawat Logi Midlands Electric Manufacturers yang juga mempunyai kilang di Pulau Pinang.

Datuk Seri Dr. Mahathir akan melawat beberapa buah kilang yang lain di kawasan Birmingham hari ini sebelum balik ke London.

Sementara itu, seorang usahawan British hari ini memberitahu lebih 100 orang pengusaha negara ini cerita kejayaannya memilih Malaysia sebagai negara pelaburan sehingga mencapai keuntungan yang sungguh lumayan, beberapa kali ganda dari pelaburan permulaan berjumlah \$1 juta.

Encik C.G. Silverloock, Pengarah Urusan sebuah syarikat pengeluaran perubatan yang mempunyai cawangannya di Malaysia, mengesahkan cerita kejayaannya di seminar

untuk para pelabur sempena lawatan rombongan pelaburan Malaysia di sini.

Rombongan Malaysia itu diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Encik Silverloock berceramah bagi pihak syarikat-syarikat British yang mengadakan pelaburan di Malaysia.

No Siri: 1314
No Pew: 985/80